



**TEKS UCAPAN**  
**YB TAN SRI DATO' MOHAMAD ARIFF MD. YUSOF**  
**YANG DI-PERTUA DEWAN RAKYAT**

**SEMPENA**  
**MAJLIS PENYERAHAN PROJEK NAIKTARAF DAN BAIKPULIH BANGUNAN**  
**PARLIMEN MALAYSIA FASA 3B**

**RABU, 15 JANUARI 2020 @ 11.00 PAGI**  
**LOBI UTAMA, BLOK AHLI PARLIMEN DAN PENTADBIRAN**  
**PARLIMEN MALAYSIA**

Bismillahir rahmanir Rahim  
Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera

Yang Berusaha Saudara Pengerusi Majlis,

**Yang Berhormat Tuan Nga Kor Ming**

Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat;

**Yang Berhormat Tuan Mohamed Hanipa Bin Maidin**

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang);

Yang Berhormat Ketua-ketua Whip Parti Kerajaan dan Pembangkang;

Yang Berhormat Pengerusi-pengerusi Jawatankuasa Pilihan & Jawatankuasa Pilihan Khas  
Dewan Rakyat Parlimen Ke-14;

**YBhg. Ir. Kamaluddin Bin Haji Abdul Rashid**

Ketua Pengarah Kerja Raya;

**YBhg. Datuk Kamis Samin**

Ketua Pentadbir Parlimen Malaysia;

Setiausaha Dewan Rakyat dan Setiausaha Dewan Negara;

Setiausaha-setiausaha Bahagian dan Pegawai-pegawai Kanan Parlimen Malaysia;

Warga Kerja Parlimen, Tuan-tuan, Puan-puan dan Para hadirin yang dihormati sekalian.

Alhamdulillah, terlebih dahulu marilah kita merafakkan rasa syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala kerana dengan limpah rahmat dan keizinanNya jua, dapatlah kita bersama-sama dalam **Majlis Penyerahan Projek Naiktaraf Dan Baikpulih Bangunan Parlimen Malaysia Fasa 3B** pada pagi yang penuh bermakna ini. Syabas dan tahniah kepada penganjur iaitu Jabatan Kerja Raya (JKR) dengan kerjasama pihak Parlimen Malaysia yang telah bertekad dalam menjayakan penganjuran majlis ini.

2. Pihak Parlimen Malaysia juga ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih serta tahniah kepada pihak JKR dan Kontraktor DKLS Construction Sdn. Bhd. kerana telah berjaya menyiapkan projek ini walaupun sedikit tersasar daripada tarikh penyiapan sebenar. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada semua yang turut menyumbang dan berkerjasama secara langsung atau tidak langsung dalam pelaksanaan projek ini.

#### **Hadirin yang dihormati sekalian,**

3. Seperti kita sedia maklum bahawa, Bangunan Parlimen telah didaftarkan dalam kategori Tapak Warisan (Bangunan) Warisan Kebangsaan 2007 dan tertakluk kepada Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645) berkaitan pemuliharaan dan pemeliharaan Warisan Kebangsaan. Justeru, rekabentuknya dan kerja-kerja pengubahsuaian serta menaiktaraf perlu mematuhi kehendak Akta yang dikawal selia oleh Jabatan Warisan Negara tanpa kompromi berkenaan aspek kefungsi (*functionality*), keselamatan (*safety*) dan kebolehsenggaraan (*maintainability*).

4. Bangunan Parlimen Malaysia merupakan bangunan ikonik Malaysia yang telah menjadi mercu tanda sejak dibina dan merupakan lambang kewujudan Parlimen itu sendiri. Terdapat fasad berbentuk kulit nenas yang harmoni (*synchronised*) dengan rekabentuk sedia ada di Blok Menara dan Blok Utama. Rekaan dan motif ini telah menjadi identiti bangunan Parlimen semenjak disiapkan pada tahun 1963.

5. Bangunan utama ini telah dibina pada tahun 1962. Oleh yang demikian, bagi memastikan jangka hayat bangunan dapat ditingkatkan sehingga 50 tahun untuk faedah generasi akan datang, projek naik taraf dan baikpulih bangunan Parlimen Malaysia telah dimulakan semenjak tahun 2015.

6. Projek Naik Taraf Dan Baikpulih Bangunan Parlimen Malaysia ini melibatkan 6 fasa iaitu Fasa 1A, 2A, 2B, 3A, 3B dan 2C dijangka siap sepenuhnya pada tahun 2025.

7. Pujian harus diberikan kepada pasukan Parlimen Malaysia yang secara kolaborasi dengan pihak JKR dan kontraktor mengambil segala langkah yang perlu dan jalan-jalan alternatif dengan penglibatan pengurusan tertinggi dalam mengatasi permasalahan di sepanjang pelaksanaan projek ini.

8. Semenjak pembinaan projek ini yang dimulakan secara fizikal pada tahun 2015, pelbagai cabaran telah dihadapi dan ditempuhi bersama. Namun, berkat kekuatan, kesabaran

dan usaha semua pihak, kesemua kesusahan dan permasalahan tersebut berjaya diharungi dengan efektif dan memuaskan hati sehingga membolehkan projek ini disiapkan dan bakal beroperasi pada Mac 2020 akan datang. Tahniah diucapkan kepada semua!

**Hadirin yang dihormati sekalian,**

9. Bangunan-bangunan Parlimen di seluruh dunia telah menjalani proses membaik pulih, pemuliharaan, menaik taraf, pengubahsuaian dan penambahbaikan. Justeru, Parlimen Malaysia juga tidak terkecuali.

10. Di dalam proses untuk mendukung konsep demokrasi berparlimen atau *parliamentary democracy*, seni bina dan reka bentuk luaran dan dalaman sesebuah bangunan Parlimen itu, termasuk dewan persidangan, ruang-ruang formal dan tidak formal, mempunyai kesan terhadap amalan demokrasi sesebuah negara itu.

11. Seni bina dan reka bentuk luaran dan dalaman sesebuah bangunan Parlimen itu seharusnya dari awal direka bentuk dan diselenggarakan agar mampu untuk menyokong dan memudahkan urusan berkenaan fungsi-fungsi Parlimen.

12. Oleh itu, tidak mustahil untuk sesebuah bangunan itu, dibina dan direkabentuk untuk menyokong dan memudahkan proses demokrasi dilaksanakan. Sebagai contoh, Blok Ahli Parlimen dan Pentadbiran ini dengan adanya bangunan khusus untuk Ahli-Ahli Parlimen, secara tidak langsung akan menggalakan Ahli-Ahli Parlimen untuk berada di sini, walaupun bukan pada masa Parlimen bersidang. Justeru, membolehkan Ahli-Ahli Parlimen menumpukan usaha mereka untuk meningkatkan kualiti perbahasan di dalam dewan.

13. Menurut Marcus Vitruvius, seorang arkitek Empayar Rom telah mengenal pasti tiga elemen untuk senibina dan rekaan bangunan yang sempurna atau *well-designed building* iaitu *firmitas (strength), utilitas (functionality), and venustas (beauty)*.

14. Bagi menerangkan maksud *firmitas (strength), utilitas (functionality), and venustas (beauty)* Vitruvius berkata "*well-designed buildings should be really well built, have utility, be fit for purpose and solid; should be easy to use; ergonomic; they should appeal to the heart; and they should bring happiness and joy.*"

**Hadirin yang dihormati sekalian,**

15. Saya percaya bahawa Bangunan Parlimen Malaysia Fasa 3B mempunyai elemen-elemen yang telah diterangkan seperti di atas. Kemudahan yang mencukupi, selesa dan selamat dapat disediakan untuk membolehkan Ahli-ahli Parlimen, pegawai-pegawai kementerian/agensi, petugas media, pelawat dan semua pegawai serta kakitangan Parlimen mengoptimumkan prestasi kerja dan melaksanakan tanggungjawab dalam keadaan yang lebih kondusif.

16. Kemudahan dan fasiliti yang disediakan perlu diselia dan diselenggara dengan baik bagi memastikan operasi dan fungsinya tidak terjejas dan keselamatan kompleks Bangunan Parlimen Malaysia terjamin. Operasi Parlimen perlulah *zero downtime* kerana melibatkan pembesar-pembesar negara.

17. Saya juga difahamkan bahawa projek Fasa 2C yang merupakan fasa terakhir dalam cadangan pelaksanaan kerja-kerja membaik pulih dan menaik taraf Bangunan Parlimen Malaysia akan ditender tidak lama lagi. Projek ini yang melibatkan skop kerja antaranya naik taraf dan baik pulih Blok Menara, pembinaan balai pelawat, tempat letak kereta bertingkat, laluan berbumbung bagi pejalan kaki serta galeri awam.

18. Dengan siapnya Fasa 2C pada tahun 2025 yang mana skop utama adalah membaik pulih dan menaik taraf Blok Menara, jangka hayat bangunan dapat ditingkatkan lagi untuk tempoh 50 tahun akan datang di samping memulihara ciri-ciri bangunan warisan kebangsaan. Secara tidak langsung, identiti dan imej Parlimen Malaysia yang merupakan institusi perundangan tertinggi negara dapat dipertingkatkan.

19. Dalam hal ini, sekali lagi saya amat berharap kerjasama, kolaborasi dan tolak-ansur di antara semua pihak yang terlibat, terutamanya Parlimen Malaysia dan JKR dapat diteruskan bagi memungkinkan projek dapat disiapkan dengan sempurna sebagaimana yang dikehendaki.

20. Untuk mengakhiri ucapan, izinkan saya memetik Kevin McCloud, Sejarahwan Senibina - *"Well-designed parliament buildings should therefore make us feel like better human beings, they should lift the spirits of a nation, and they should not only make a contribution to place but also to civilisation in their form and pursuit of democratic ideals."*

### **Hadirin yang dihormati sekalian,**

21. Akhir kata, saya ingin mengambil kesempatan ini sekali lagi untuk mengucapkan terima kasih dan syabas kepada semua warga kerja yang terlibat di dalam projek ini sama ada secara langsung atau tidak langsung tidak lupa juga kerjasama yang diberikan oleh pihak Parlimen Malaysia, JKR, kontraktor dan perunding. Semoga semangat dan komitmen ini dapat diteruskan untuk projek-projek yang lain pada masa akan datang.

22. Sekalung penghargaan dan tahniah juga kepada jawatankuasa diketuai oleh YBhg. Datuk Kamis Samin, Ketua Pentadbir Parlimen Malaysia yang telah bertungkus lumus untuk membuat persediaan dan menganjurkan majlis penyerahan Projek Fasa 3B pada hari ini. Tidak lupa juga kepada kepada Ir Johari Ahmad, Ketua Jurutera Parlimen Malaysia. Perkhidmatan beliau akan tamat pada 19 Januari 2020 apabila sampai tarikh bersara wajib.

23. Sesungguhnya, Parlimen akan kehilangan seorang penjawat awam yang amat berdedikasi, berwibawa, berpengalaman dan berpengetahuan. Saya bagi pihak Dewan Rakyat dan seluruh warga Parlimen Malaysia ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan

dan terima kasih kepada Ir. Johari Ahmad. Walau apa pun, Taman Herba yang diinspirasi beliau sentiasa terbuka pada bila-bila masa.

24. Dengan ini, saya sudahi ucapan saya dengan Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih.